

AKTA PENGURUSAN STRATA 2013

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN STRATA
(PENYENGGARAAN DAN PENGURUSAN) 2015

BORANG 24

[Peraturan 44]

BON DIBERI OLEH

***BANK/*SYARIKAT KEWANGAN/*PENANGGUNG INSURANS**

Kepada :
Pesuruhjaya Bangunan

.....
[Nama dan alamat pihak berkuasa tempatan]

Tuan,

PERKARA : PELANTIKAN [NAMA EJEN PENGURUSAN] SEBAGAI EJEN PENGURUSAN

BAHAWASANYA menurut subseksyen 86(1)/*subseksyen 91(3) Akta Pengurusan Strata 2013, Pesuruhjaya Bangunan (kemudian dari ini disebut "Pesuruhjaya") telah melantik (*nama dan alamat pengurus harta*)(*No. K.P./*No. Syarikat/*No. Pendaftaran : ("ejen pengurusan tersebut") untuk menjalankan penyenggaraan dan pengurusan *bangunan/*tanah dan harta bersama bagi kawasan pemajuan bernama (Nota 1) untuk suatu tempoh bermula pada dan tamat pada ("tempoh lantikan itu");

DAN BAHAWASANYA sebelum ejen pengurusan tersebut boleh bertindak sebagai ejen pengurusan, ia hendaklah menyerah simpan dengan Pesuruhjaya suatu bon berjumlah RM..... yang diberi oleh suatu bank atau syarikat kewangan atau penanggung insurans, untuk membayar apa-apa kerugian yang disebabkan oleh ejen pengurusan tersebut akibat kegagalannya untuk menjelaskan wang yang diterima atau yang dipegang olehnya;

DAN BAHAWASANYA sebagai balasan kepada pelantikan tersebut, kami (kemudian dari ini disebut "Penjamin"), atas permohonan ejen pengurusan, menyetujui yang tak boleh batal dan mengakujnji untuk memberi Jaminan kepada Pesuruhjaya ke atas pelaksanaan yang sepatutnya oleh ejen pengurusan tersebut untuk menjelaskan wang yang diterima atau yang dipegang olehnya.

MAKA Penjamin dengan ini bersetuju dengan Pesuruhjaya seperti berikut :

1. Apabila Pesuruhjaya membuat tuntutan bertulis, maka Penjamin hendaklah dengan

serta merta membayar kepada Pesuruhjaya nilai yang ditentukan di dalam tuntutan tersebut tanpa mengira sama ada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada ejen pengurusan atau Penjamin atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau syarat. Dengan syarat bahawa jumlah tuntutan yang dibuat oleh Pesuruhjaya dan tanggungan Penjamin tidak melebihi sebanyak Ringgi Malaysia (*nyatakan nilai jaminan dalam perkataan*) (RM.....)(“Had Jaminan”).

2. Pesuruhjaya berhak untuk membuat apa-apa tuntutan sebahagian jika dikehendaknya dan jumlah kesemua tuntutan sebahagian itu hendaklah tidak melebihi nilai Had Jaminan dan liabiliti Penjamin untuk membayar kepada Pesuruhjaya jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan perkadaran yang bersamaan dengan apa-apa bayaran sebahagian yang telah dibuat oleh Penjamin.

3. Penjamin tidak boleh dibebaskan atau dilepaskan dari Jaminan ini oleh sebarang perkiraan yang dibuat antara ejen pengurusan dan Pesuruhjaya, sama ada dengan atau tanpa persetujuan Penjamin, atau oleh sebarang perubahan tentang kewajipan yang diaku janji oleh ejen pengurusan, atau oleh sebarang penangguhan sama ada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya.

4. Jaminan ini adalah jaminan yang berterusan dan hendaklah tak boleh batal dan sah sehingga (“Tarikh Luput Asal”), iaitu dua belas (12) bulan selepas tarikh permulaan pelantikan ejen pengurusan itu. Apabila diminta oleh kamu, Jaminan ini akan dilanjutkan secara automatik untuk tempoh tambahan selama tidak melebihi satu (1) tahun daripada Tarikh Luput Asal (“Tempoh Tambahan Jaminan”). Jumlah agregat maksimum yang Pesuruhjaya berhak di bawah Jaminan ini mestilah sentiasa dipastikan tidak melebihi jumlah Had Jaminan.

5. Tanggungjawab dan tanggungan Penjamin di bawah Jaminan ini hendaklah luput apabila Jaminan ini tamat pada Tarikh Luput Asal atau keluputan Tempoh Tambahan Jaminan melainkan jika sebelumnya suatu tuntutan secara bertulis telah dibuat kepada Penjamin untuk membayar sejumlah wang tertentu yang masih belum dijelaskan mengikut perjanjian pengurusan yang tersebut.

6. Semua tuntutan berkaitan dengan Jaminan ini, jika ada, mestilah dibuat dalam tempoh sah laku Jaminan ini, ataupun dalam masa satu (1) bulan dari tamatnya tarikh Jaminan ini, mengikut mana lebih kemudian.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS Penjamin telah menurunkan tandatangan dan meterai mereka pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani untuk)
dan bagi pihak Penjamin) Nama :
di hadapan) Jawatan :
) *Cop Bank/Syarikat Kewangan/Penanggung Insurans

.....
(Saksi)

Nama :

*Jawatan :

*Cop Bank/Syarikat Kewangan/Penanggung Insurans

** potong mana-mana yang tidak berkenaan dengan*